

6 Februari 2019

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi Boustead Plantations Berhad – Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Rimba Nilai & ladang, Beluran, Sabah**

Boustead Plantations Berhad telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Rimba Nilai dan ladang-ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Rimba Nilai	
Nama Kilang Sawit	Kilang Kelapa Sawit Rimba Nilai
Kapasiti Kilang Sawit (mt/jam)	60 mt/jam
Alamat	Beluran, Sabah
Rujukan GPS (Kilang Sawit)	117° 27' 25" E ; 5° 43' 21" N

Unit Pengurusan Ladang			
Nama Unit Pengurusan Ladang		Rimba Nilai	
Ladang	Alamat	Rujukan GPS	Luas Ladang (ha)
Sungai-Sungai 1	Beluran, Sabah	117° 27' 25" E ; 5° 43' 21" N	1,044
Sungai-Sungai 2	Beluran, Sabah	115° 27' 40" E ; 4° 43' 20" N	2,098
Sungai-Sungai 3	Beluran, Sabah	115° 14' 20" E ; 4° 33' 43" N	1,889
Sungai-Sungai 1	Beluran, Sabah	117° 27' 53" E ; 5° 43' 07" N	2,001
Lembah Paitan	Beluran, Sabah	117° 26' 30" E ; 5° 40' 11" N	1,558
Kawanan	Beluran, Sabah	117° 27' 09" E ; 5° 04' 18" N	2,111
<b>Jumlah Luas Ladang</b>			<b>10,701</b>

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Rimba Nilai dan Ladang pada 11-15 Mac 2019. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*.

Salinan standard boleh didapati secara atas talian di <http://www.msonline.gov.my/catalog.php>. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Rimba Nilai dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**Valence Shem** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Alam Sekitar, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Undang-Undang, temuduga stakeholder dalaman dan luaran) dan **En. Muhamad Naquiuddin Mazeli** sebagai Juruaudit (Aspek Keselamatan & Kesihatan Pekerja, HCV, Aspek Undang-undang & Sosial)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengurus Skim seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Atapun, pendapat dan pandangan anda boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
 Alamat: .....  
 Email: .....  
 Nombor Telefon: .....  
 Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Operasi**  
 En. Nicholas Cheong  
 BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
 Unit 10-03, Level 10, Tower A  
 The Vertical Business Suites  
 Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
 59200 Kuala Lumpur Malaysia  
 Fax : +603-2242 4218  
 Email : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN/ATAU**

**Auditee:**  
 Ms Nurul Hanani Abdullah  
 Boustead Plantations Berhad  
 19<sup>th</sup> Floor, Menara Boustead  
 69 Jalan Raja Chulan  
 50200 Kuala Lumpur  
 Malaysia  
 Fax : +603-2144 7917  
 Email : [Hanani.bea@boustead.com.my](mailto:Hanani.bea@boustead.com.my)



Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Skim